



MEMORANDUM

Kepada : Tarikh : 12 November 2006
Puan Salmiah Che Puteh Rujukan : USM.17/BEND(o)TP/(2/2006)
Timbalan Bendahari
Bahagian Perancangan & Perkhidmatan Kewangan
Jabatan Bendahari

Tn. Hj. Zulkifli Mohamad
Timbalan Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kesihatan

En. Mohammad Abdullah
Ketua Penolong Bendahari
Seksyen Bayaran
Jabatan Bendahari

En. Ismail Jamaluddin
Ketua Penolong Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kejuruteraan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**GARISPANDUAN PERAKAUNAN UNIVERSITI
TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 2 TAHUN 2006
-Mempermodakan Kos Pengiklanan, Kos Insuran dan Kos Pengangkutan
Perolehan Aset Universiti**



Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini disertakan Tatacara Perakaunan Bilangan 2 Tahun 2006 :
Mempermodakan Kos Pengiklanan, Kos Insuran dan Kos Pengangkutan Perolehan Aset
Universiti untuk makluman dan tindakan selanjutnya.
3. Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 2 Januari 2007.
4. Kerjasama tuan/puan dalam perkara di atas didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, والسلام

(ROHAYATI MOHD. ISA)
Timbalan Bendahari
Seksyen Akaun, Sistem & Pengurusan Data
Jabatan Bendahari

s.k Bendahari
Universiti Sains Malaysia



JABATAN BENDAHARI



BURSARY



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

GARISPANDUAN PERAKAUNAN UNIVERSITI

TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 2 TAHUN 2006

**MEMPERMODALKAN KOS PENGIKLANAN,
KOS INSURAN DAN KOS PENGANGKUTAN PEROLEHAN ASET UNIVERSITI**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara perakaunan bagi mempermodalkan kos pengiklanan, kos Insuran dan kos pengangkutan perolehan aset Universiti.

LATAR BELAKANG

2. Garis panduan ini akan memperincikan tatacara perakaunan untuk mempermodalkan kos-kos tersebut.

TATACARA MEMPERMODALKAN KOS PENGIKLANAN, KOS INSURAN DAN KOS PENGANGKUTAN PEROLEHAN ASET UNIVERSITI

3. Tatacara mempermodalkan kos pengiklanan, kos insuran dan kos pengangkutan perolehan aset Universiti adalah seperti berikut:

3.1. Tatacara Mempermodalkan Kos Pengiklanan Perolehan Aset

3.1.1. Kos yang dikenakan bagi membiayai kos pengiklanan sesuatu perolehan Universiti **TIDAK PERMODALKAN** kerana ia adalah kos yang terlibat sebelum sesuatu aset diperolehi atau kos pra perolehan aset.

3.1.2. Kos pengiklanan dikenakan ke pecahan vot 29000 seperti berikut:

- i. Peruntukan Pentadbiran Pusat Jabatan Bendahari – Aktiviti Iklan (AB002) bagi perolehan daripada Kumpulan Wang Mengurus Universiti; atau
- ii. Peruntukan projek bagi perolehan daripada Kumpulan Wang Selain Belanja Mengurus

3.2. Kos Insuran dan Kos Pengangkutan Perolehan Aset Di Bawah Kaedah *Free On Board (FOB)*

3.2.1. Kos insuran dan kos pengangkutan perolehan aset di bawah kaedah *Free On Board (FOB)* perlu **DIPERMODALKAN**. Ini adalah kerana kos insuran dan pengangkutan adalah merupakan sebahagian daripada kos aset.

3.2.2. Kos insuran dan pengangkutan dikenakan ke pecahan vot 35000 seperti berikut:

- i. Peruntukan Pusat Tanggungjawab bagi perolehan daripada Kumpulan Wang Mengurus Universiti; atau
- ii. Peruntukan projek bagi perolehan daripada Kumpulan Wang Selain Belanja Mengurus

3.2.3. Kos insuran dan pengangkutan bagi perolehan sesuatu aset yang telah melampaui tahun kewangan perolehan aset tersebut, perlu dikenakan di bawah peruntukan tahun semasa Pusat Tanggungjawab atau Projek berkenaan dan dipermodalkan sebagai kos tambahan kepada aset.

TARIKH KUATKUASA

4. Garispanduan perakaunan Mempemodalkan Kos Pengiklanan, Kos Insuran dan Kos Pengangkutan Perolehan Aset Universiti ini berkuatkuasa mulai 2 Januari 2007.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJAH MAWAN NOORAINI BINTI ISMAIL)

Bendahari

Universiti Sains Malaysia

1 November 2006